

27 AUG 1996

PM PULANG SELEPAS LAWATAN KERJA EMPAT HARI KE CHINA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini selepas lawatan kerja selama empat hari ke China.

Isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk menyambut kepulangannya.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir menemui Presiden Jiang Zemin dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Li Peng.

Beliau juga menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Abad Asia - Satu Perspektif Malaysia" pada Dialog Beijing mengenai Perkongsian Malaysia-China.

Dr Mahathir dan Li Peng turut menyaksikan beberapa majlis penandatanganan perjanjian dan memorandum persefahaman antara agensi-agensi dan syarikat kedua-dua negara.

Rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn dan beberapa ahli perniagaan terkemuka.

-- BERNAMA

ES AKD